

UPM anugerah Dr. Mahathir Ijazah Kehormat Doktor Sains

KUALA LUMPUR 14 Julai
— Bekas Perdana Menteri,
Tun Dr. Mahathir Moha-
med akan dianugerahkan
Ijazah Kehormat Doktor
Sains oleh Universiti
Putra Malaysia (UPM)
pada Sabtu ini.

Canselor UPM Sultan
Sharafuddin Idris Shah
berkenan untuk mengurni-
akan ijazah tersebut
pada sesi pertama majlis
konvokesyen ke-28 itu
yang akan diadakan di
Dewan Besar, Pusat Kebu-
dayaan dan Kesenian Sul-
tan Salahuddin Abdul Aziz
Shah, UPM di Serdang.

Menurut Ketua Baha-
gian Komunikasi Korporat
UPM, Siti Rozana Supian,
penganugerahan itu ada-
lah sebagai penghormatan
dan pengiktirafan terha-
dap jasa serta pengorban-
an Dr. Mahathir dalam
menerajui negara selama
22 tahun.

“Penganugerahan ini
juga adalah berasaskan
sumbangan cemerlang be-
liau kepada kemajuan pen-
didikan khususnya dalam
memartabatkan bidang sa-
ins sepanjang perkhidma-

tannya dalam kerajaan
dan sebagai Perdana Men-
teri,” katanya dalam satu
kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, Dr. Ma-
hathir merupakan pemim-
pin yang mencetuskan
jejak-jejak kegemilangan
UPM sebagai sebuah uni-
versiti tersohor di rantau
ini.

Pada 3 April 1997 Dr.
Mahathir yang pada masa
itu merupakan Perdana
Menteri telah mengisytih-
arkan pertukaran nama
Universiti Pertanian Ma-
laysia kepada Universiti
Putra Malaysia.

“Sejak itu UPM telah
muncul sebagai universiti
multidisiplin terbesar dan
mencipta nama dalam pel-
bagai bidang khususnya
pengajaran, pembelajaran,
penyelidikan dan khidmat
profesional,” katanya.

Pada majlis konvokesyen
tersebut, Sultan
Sharafuddin juga akan
menyempurnakan pengurni-
aan Ijazah Doktor Falsafah
(PhD), Sarjana, Sarjana
Muda dan Diploma
kepada graduan UPM
pada sesi pertama dan sesi
ketiga.

Sebanyak 4,091 graduan
dalam pelbagai bidang pe-
ngajian akan menerima
ijazah dan diploma ma-
sing-masing.